

NO. SOALAN: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan diberikan kepada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah agama serta pusat tafhib bagi tahun 2016-2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan Mengurus bagi sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) pada tahun 2016 hingga 2019 di bawah Dasar Sedia Ada adalah seperti berikut:

Tahun	SK	SJK(C)	SJK(T)	JUMLAH
2016	12,372,300,221	2,699,032,889	1,089,594,171	16,160,927,281
2017	12,910,709,878	2,814,595,469	1,136,246,553	16,861,551,900
2018	13,288,031,918	2,896,853,448	1,169,453,934	17,354,339,300
2019	13,230,992,342	2,923,702,428	1,182,545,281	17,337,240,051
JUMLAH	51,802,034,359	11,334,184,234	4,577,839,939	67,714,058,532

NO. SOALAN: 7

Manakala, peruntukan mengurus untuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi tujuan pengurusan SABK iaitu pembayaran emolumen dan utiliti bagi tahun 2016- 2019 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERBELANJAAN
2016	RM562,278,842
2017	RM630,314,366
2018	RM683,152,775
2019 (Peruntukan Asal)	RM594,025,900

Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan sebanyak RM25 juta daripada Kementerian Kewangan khusus untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah agama persendirian dan sekolah agama rakyat. Peruntukan ini diberikan kepada sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Pihak Berkuasa Agama Negeri yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah. Peruntukan ini bertujuan untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh KPM.

Sehingga tamat tempoh permohonan, sebanyak 239 buah sekolah agama yang berdaftar dengan KPM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri telah menghantar permohonan. Permohonan tersebut sedang diteliti bagi memastikan peruntukan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat dan kriteria peruntukan kewangan yang ditetapkan.